

Headline	Swasta, GLC digalak bantu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Mar 2020	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	13
ArticleSize	471 cm ²	Journalist	Muhammad Yusri
PR Value	RM 46,968		



Penularan COVID-19

Swasta, GLC digalak bantu

Sumbangan kewangan diharap dapat bendung penularan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Gabungan Bertindak Korporat Malaysia Menentang COVID-19 diharap dapat membantu kerajaan membendung penularan wabak itu.

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Seri Dr Chen Chaw Min, berkata pembabitan sektor swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan organisasi lain sangat digalakkan dengan TNB muncul sebagai pihak pertama menyumbangkan dana bernilai RM10 juta.

Sumbangan itu, katanya, bertujuan membantu Kementerian Kesihatan menambah peralatan digunakan bagi membendung COVID-19 yang semakin berkurangan.

Peningkatan jumlah kes individu dijangkiti COVID-19 mengakibatkan kelengkapan di hospital kerajaan semakin berkurangan.

"Bantuan kewangan daripada TNB ini membolehkan kita mendapatkan peralatan perubahan dan keperluan penjagaan kesihatan dalam usaha berterusan membanteras COVID-19," katanya dalam satu kenyataan media bersama TNB, semalam.

Sebanyak 130 kes baharu dilaporkan sehingga jam 12 tengah semalam, sekali gus menjadikan jumlah kes positif COVID-19 sebanyak 1,030 kes dengan dua kematian.



Yeong Ching menyerahkan cek sumbangan kepada Muhyiddin untuk tabung COVID-19, semalam.

(Foto ihsan FB Muhyiddin Yassin)

Pada masa sama, Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah, menjelaskan semua pihak perlu bekerjasama dalam membendung penularan COVID-19.

"Ini adalah perjuangan kita bersama dan kini kita pula perlu membantu kerajaan dalam membanteras penularan COVID-19.

"Kerjasama antara masyarakat dan sektor swasta adalah sangat penting. Saya menyeru rakan dari pelbagai sektor di negara ini untuk bersama-sama membantu kerajaan dengan menyumbang kepada tabung berkenaan," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, menerima dua cek sumbangan dari Berjaya Group of Companies dan I Berhad untuk tabung COVID-19, semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif Berjaya Group of Companies, Datuk Seri Robin Tan Yeong Ching dan Pengerusi I Berhad, Tan Sri Lim

Kim Hong, masing-masing menyumbang RM1 juta menjadikan sumbangan tabung COVID-19 berjumlah RM2.125 juta.

Syarikat swasta, GLC dan

organisasi lain yang berminat untuk menyumbang boleh menghubungi Kementerian Kesihatan di talian 038883 3069/3076/2406.

